

BAB 2: BANTUAN KECEMASAN

LATIHAN 2

1. Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) merupakan bantuan kecemasan awal bagi mangsa lemas. Apakah definisi CPR?
- A. Bantuan kecemasan
 - B. Teknik hembusan pernafasan mulut ke mulut
 - C. Gabungan teknik tekanan di bahagian dada dan pernafasan mulut ke mulut
 - D. Gabungan teknik tekanan di bahagian perut dan menyentak ke atas dengan kuat


JAWAPAN:

2. Rajah 1 menunjukkan langkah di dalam menjalankan satu kaedah pertolongan cemas.



Apakah keadaan yang membolehkan pertolongan cemas ini dilakukan kepada mangsa?

- A. Tiada degupan jantung atau nadi
 - B. Sakit tekak dan sukar bernafas
 - C. Tercekik dan tidak boleh bercakap
 - D. Demam dan batuk
3. Carta menunjukkan kaedah CPR yang betul kepada orang dewasa.



Apakah kaedah kecemasan yang perlu dilakukan pada X?

- A. Memeriksa pernafasan mangsa
- B. Menepuk bahu mangsa dan memanggil mangsa
- C. Mengubah posisi mangsa dalam keadaan mengiring
- D. Tekanan dada dilakukan pada kadar 100-120 tekanan per minit

JAWAPAN:

4. Mengapakah CPR penting?

- A. Menyediakan bekalan darah dan oksigen
- B. Membantu mangsa bercakap dengan lancar
- C. Mengekalkan degupan jantung yang terhenti
- D. Memulihkan sistem pencernaan mangsa tercekik

JAWAPAN:

5. Bantuan kecemasan seperti Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) hanya boleh dilakukan oleh individu berikut

- A. Paramedik sahaja
- B. Guru Sains sahaja
- C. Doktor perubatan sahaja
- D. Semua individu yang tahu akan teknik CPR yang betul

JAWAPAN:

6. Heimlich Manoeuvre dilakukan kepada mangsa yang

- A. Lemas dalam sungai
- B. Tercekik semasa makan
- C. Terkena panahan petir dan kilat
- D. Cedera parah akibat kemalangan

JAWAPAN:

7. Richard sedang makan di sebuah restoran dan secara tiba-tiba dia berdiri sambil memegang leher dengan kedua-dua tangannya dan terbatuk-batuk.
Apakah kemungkinan yang terjadi sekiranya bantuan kecemasan lambat diberikan?

- A. Pengsan
- B. Dehidrasi
- C. Kelumpuhan
- D. Kerosakan otak

JAWAPAN:

8. Bagaimanakah anda boleh lakukan Heimlich Manoeuvre kepada wanita hamil yang tercekik?

- A. Memastikan mangsa berbaring di permukaan rata
- B. Memastikan kedudukan tangan lebih tinggi untuk sentakan
- C. Memastikan tekanan dada dilakukan pada kadar 100-120 tekanan per minit
- D. Memastikan mangsa berdiri sambil memegang kerusi dan menolak badan sepenuh tenaga

JAWAPAN:

9. Anda sedang berlari mengelilingi taman dan terlihat seorang lelaki tiba-tiba rebah lalu pingsan. Apakah langkah pertama yang perlu anda ambil apabila berhadapan dengan situasi itu?
- A. Menelefon talian kecemasan 999
 - B. Memberikan bantuan pernafasan mulut ke mulut
 - C. Mengejutkan mangsa dengan menepuk bahunya dan bertanya "anda ok?"
 - D. Meninggalkan mangsa untuk diselamatkan oleh orang lain yang berdekatan

JAWAPAN:

10. Antara berikut, yang manakah kaedah yang betul untuk melakukan Heimlich Manoeuvre ?
- A. Memberitahu guru dan pembantu makmal
 - B. Melakukan teknik tekanan dada dan bantuan pernafasan mulut ke mulut
 - C. Menggunakan sebatang kayu atau sudu untuk mencungkil keluar makanan tersangkut
 - D. Meletakkan gengaman tangan kanan di antara pusat dengan tulang rusuk mangsa dan menyentak ke atas dengan kuat

JAWAPAN:

11. Kaji pernyataan di bawah:

Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun maut dipercayai akibat tercekik gula-gula jenis jeli di Labuan.

Malaymail 22 May 2020

- a. Bagaimanakah keadaan tercekik boleh berlaku pada kanak-kanak lelaki itu?

Apabila kanak-kanak lelaki tersebut menelan makanan, epiglotis akan

Saluran pernafasan (trakea) akan

Jika makanan menghalang saluran pernafasan (trakea), kanak-kanak lelaki tersebut akan tercekik.

- b. Namakan teknik yang boleh digunakan bagi menyelamatkan mangsa yang tercekik.

.....

- c. Kumpulan umur bayi dan kanak-kanak berisiko tinggi untuk tercekik objek asing. Wajarkan.

☐ Belum mampu menguyah makanan dengan baik.

☐ Gemar mengutip objek di sekeliling mereka.

☐ Mengalami pertumbuhan gigi.

- d. Berikut merupakan langkah yang terdapat dalam Heimlich Manoeuvre bagi bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.
Susun langkah-langkah berikut mengikut aturan.

Ulang langkah berikut mengikut aturan.	Letakkan mangsa dalam keadaan meniarap ke bawah dengan bahagian dada berada pada sudut 60°.	Jika tidak berjaya, telentangkan bayi. Tekan bahagian tengah dada bayi sebanyak 5 kali.	Tepuk dengan kuat pada bahagian hadapan badan mangsa dengan pangkal tapak tangan sebanyak 5 kali.